

# UTHM jalin MoU dalam penyelidikan, perundingan

JOHOR BAHRU 22 Jan. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memeterai dua memorandum persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama dalam bidang penyelidikan dan perundingan, pembangunan kakitangan serta hubungan di peringkat kebangsaan.

Kedua-dua MoU itu dimeterai masing-masing bersama KLIA Premier Holdings Sdn. Bhd. (KLIA Premier) dan Institut Jurutera Malaysia (IEM) sempena perasmian bangunan baharu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) baru-baru ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Pendaftarnya, Sulam Hamid mewakili UTHM manakala KLIA Premier diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Dr. Ir. Jamilus Md. Hussin



dan Ketua Pegawai Operasi, Nazarudin Mohd. Nordin.

MoU yang dimeterai itu membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam penyelidikan dan perundingan, pembangunan staf dan meningkatkan hubungan meliputi bidang reka bentuk kejuruteraan awam, pengurusan projek dan pengurusan pembinaan.

Perjanjian yang ditandatangani antara UTHM dan IEM pula akan membolehkan kedua-dua pihak menjalin kerjasama dalam bidang penyelidikan dan perundingan serta pembangunan sumber pengajaran dan pembelajaran.

Dalam majlis sama, UTHM turut menandatangani surat hasrat bersama Sekolah Tinggi Teknik PLN, Indonesia yang diwakili Rektornya

Dr. Ir. Supriadi Legino bagi menjalin kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan teknologi sistem cakar ayam.

UTHM turut menerima tajaan sebanyak RM8,200 daripada Probase Manufacturing Sdn. Bhd., yang diwakili Pengarahnya, Yek Chen Sooi bagi tujuan pembinaan makmal ISO Pusat Penyelidikan Tanah Lembut Malaysia yang akan dibangunkan kelak.

Terdahulu, Penggerusi Lembaga Pengarah Universiti, Jamilus menyempurnakan upacara perasmian bangunan bahan FKAAS yang melanjutkan belanja RM110,000 yang dibina pada Oktober 2008 dan siap pada September 2009.

Bangunan itu turut dilengkapi beberapa kemudahan seperti bangunan pejabat pentadbiran, ruang akademik, bilik pensyarah, ruang pengajaran dan pembelajaran serta makmal-makmal lain yang berkaitan.